

Jika kesedaran kebangsaan tidak lagi ujud di jiwa rakyat - Mahathir

AMARAN KOMUNIS MUNGKIN BERKUASA

UM. 13 OKT 1975

NAIB Presiden UMNO Malaysia, **Dr. Mahathir Mohamad** memberi amaran kemungkinan negara ini ditakluk komunis jika kesedaran kebangsaan tidak lagi ujud di jiwa rakyat.

Bukti-bukti telah ada sekarang bahawa kegiatan komunis boleh menjadi lebih rancak dalam negara ini, tegasnya.

Beliau memberitahu sekarang ini terdapat kira-kira 2,000 gerila-gerila bandar di Kuala Lumpur sahaja.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran membuat amaran itu ketika berucap sebagai Pengerusi Penerangan UMNO Malaysia, di majlis dialog dengan kira-kira 200 orang pemimpin dari 13 buah bahagian UMNO seluruh Negeri Kedah di Dewan Syarahan Bangunan UMNO di sini petang semalam.

**ALOR SETAR
12 OKTOBER**

Naib Presiden UMNO itu kemudian menegaskan perlunya seluruh ahli UMNO mengembalikan semangat berjuang kebangsaan yang tulen yang pernah ujud sebelum merdeka dulu.

Semangat itu merupakan keteguhan jiwa setiap ahli UMNO semasa itu yang berjaya berjuang memerdekakan negara ini dan perjuangan tersebut pula tidak semata-mata kerana mengejar kedudukan, ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, kedudukan UMNO sekarang ternyata telah merosot pengaruhnya dan ada bukti-bukti yang menunjukkan kedudukan ini terus merosot.

Katanya, UMNO tidak lagi disokong oleh golongan muda dan golongan terpelajar. Pergerakan Pemuda UMNO sendiri pada masa ini terdiri dari mereka yang su-

dah berumur lebih 30 tahun dan tidak dari golongan muda sebenarnya.

Dr. Mahathir berkata UMNO yang ujud sekarang telah dianggap sebagai satu parti yang kononnya tidak boleh diterima malah telah disingkir oleh masyarakat.

Beliau mendakwa keadaan ini ujud kerana terdapat ahli-ahli UMNO yang tidak lagi mementingkan semangat kebangsaan tetapi "semata-mata berjuang kerana mencari kepentingan sendiri".

"Kerana didorong oleh kepentingan diri sendiri inilah maka setengah-setengah dari mereka sanggup berbuat apa saja hingga walaupun akibatnya akan menghancurkan negara sendiri", katanya.

Beliau berkata, ada kesatuan-kesatuan sekerja di mana terdapat ahli-ahli UMNO sendiri menggunakan kedudukan dalam UMNO membuat perjuangan dan tuntutan-tuntutan yang tidak wajar terhadap kerajaan.

Ada bukti-bukti yang menunjukkan dalam perjuangan ahli-ahli UMNO yang menepuk dada sebagai jaguh UMNO, "tetapi telah menolak UMNO sebaliknya menyokong orang lain bila mendapat kepentingan sendiri".

Dr. Mahathir bertanya, "Apakah kita sanggup melihat kehancuran negara berlaku kerana kepentingan diri sendiri?"

Beliau menyeru seluruh ahli UMNO berfikir semula tentang kedudukan negara sekarang yang sedang menerima berbagai tekanan — tekanan inflasi, kenaikan harga barang, istimewa sekali ancaman komunis.

"Kita sekarang mesti berjuang dengan perasaan yang cukup sedar untuk kemajuan negara kita sendiri dan jangan lagi mengungkit-ungkit tentang apa balasan yang didapati dari perjuangan itu", katanya.

Beliau mengingatkan, penghormatan yang diberikan kepada orang Melayu adalah kerana kejayaan UMNO dalam politik dan kehancuran UMNO bererti akan menggelapkan nasib masa depan orang Melayu sendiri.